

23/02/1998

Tentu calon pilihan raya hak PM

KOTA BHARU, Ahad - Umno Kelantan membuat keputusan menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menentukan senarai calon pilihan raya di negeri ini.

Sehubungan itu, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa, berkata setiap ahli Umno negeri ini tidak harus membangkitkan isu itu.

Menurutnya, setiap pemimpin yang menang dalam pemilihan parti kali ini tidak semestinya dipilih secara automatik sebagai calon untuk pilihan raya.

"Oleh itu, ahli Umno dingatkan supaya tidak terlalu ghairah dengan isu pemilihan dalam parti sehingga lupa kepada tanggungjawab asal mereka untuk meneruskan perjuangan bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Ada kemungkinan mereka yang dipilih sebagai pemimpin di peringkat bahagian, termasuk ketuanya, tidak dipilih sebagai calon dalam pilihan raya," katanya.

Apa yang penting, katanya, ahli Umno, khasnya di Kelantan hendaklah mengekalkan semangat perpaduan dalam parti bagi memastikan Barisan Nasional (BN) dapat merampas semula negeri ini daripada Pas dalam pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata demikian pada majlis perjumpaan dengan Ketua/Penyelia Pembangunan Mukim (K/PPM), di Dewan Umno Negeri, di sini, hari ini.

Annuar berpendapat adalah wajar muka baru yang berkelayakan diberi tempat sebagai calon dalam pilihan raya akan datang dalam khidmat kepada masyarakat setempat.

"Ini menunjukkan tidak semestinya mereka yang pegang jawatan penting dalam parti dipilih sebagai calon dalam pilihan raya," katanya.

Menurutnya, Umno akan melancarkan gerakan mengesan anak Kelantan yang berada di luar negeri mendaftar sebagai pemilih berdaftar dalam pilihan raya akan datang.

Beliau berkata, ramai anak negeri ini yang berada di luar tidak menggunakan hak sebagai pengundi kerana tidak mendaftar sebagai pemilih setiap kali gerakan pendaftaran pemilih dilancarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

(END)